



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 1 MAC 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>881 PERKAHWINAN BAWAH UMUR DIREKODKAN SEJAK 2022 – MOHD NA'IM</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/881-perkahwinan-bawah-umur-direkodkan-sejak-2022-mohd-naim/">https://www.buletintv3.my/nasional/881-perkahwinan-bawah-umur-direkodkan-sejak-2022-mohd-naim/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/881-perkahwinan-remaja-bawah-umur-kelantan-tertinggi/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=881-perkahwinan-remaja-bawah-umur-kelantan-tertinggi">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/881-perkahwinan-remaja-bawah-umur-kelantan-tertinggi/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=881-perkahwinan-remaja-bawah-umur-kelantan-tertinggi</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1366810/881-perkahwinan-bawah-umur-direkodkan-sejak-2022-kelantan-tertinggi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1366810/881-perkahwinan-bawah-umur-direkodkan-sejak-2022-kelantan-tertinggi</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://majoriti.com.my/berita/2025/02/28/lebih-900-perkahwinan-bawah-umur-direkodkan-sejak-2022-kelantan-catat-jumlah-tertinggi">https://majoriti.com.my/berita/2025/02/28/lebih-900-perkahwinan-bawah-umur-direkodkan-sejak-2022-kelantan-catat-jumlah-tertinggi</a>	MAJORITI.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/881-perkahwinan-remaja-bawah-umur-kelantan-tertinggi/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/881-perkahwinan-remaja-bawah-umur-kelantan-tertinggi/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://thevocket.com/kelantan-catat-perkahwinan-bawah-umur-tertinggi/">https://thevocket.com/kelantan-catat-perkahwinan-bawah-umur-tertinggi/</a>	THEVOCKET.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/28/almost-900-underaged-marriages-registered-under-syariah-courts-from-2022-to-2024-says-minister">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/28/almost-900-underaged-marriages-registered-under-syariah-courts-from-2022-to-2024-says-minister</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://worldofbuzz.com/881-underage-marriages-registered-in-msia-in-just-3-years-kelantan-recorded-highest-number/">https://worldofbuzz.com/881-underage-marriages-registered-in-msia-in-just-3-years-kelantan-recorded-highest-number/</a>	WORLDOFBUZZ.COM	
	<a href="https://weirdkaya.com/kelantan-highest-number-of-underage-marriages/">https://weirdkaya.com/kelantan-highest-number-of-underage-marriages/</a>	WEIRDKAYA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>166 PENERIMA DI DUN BESERAH, SEMAMBU TERIMA BANTUAN DARI PM</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/166-penerima-di-dun-beserah-semambu-terima-bantuan-dari-pm/">https://www.buletintv3.my/nasional/166-penerima-di-dun-beserah-semambu-terima-bantuan-dari-pm/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2397746">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2397746</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-anwar-beri-bantuan-kepada-166-penerima-di-dun-beserah-semambu-510571">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-anwar-beri-bantuan-kepada-166-penerima-di-dun-beserah-semambu-510571</a>	ASTROAWANI.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>OKU TETAK BAPA, DIPERINTAHKAN JALANI PENILAIAN PSIKIATRI</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1191850/oku-tetak-bapa-diperintahkan-jalani-penilaian-psikiatri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1191850/oku-tetak-bapa-diperintahkan-jalani-penilaian-psikiatri</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/lelaki-oku-tetak-bapa-didakwa-diarah-jalani-penilaian-psikiatri/">https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/lelaki-oku-tetak-bapa-didakwa-diarah-jalani-penilaian-psikiatri/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/lelaki-oku-mental-tetak-ayah-diarah-rujuk-hospital-psikiatri-x9fcloa">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/lelaki-oku-mental-tetak-ayah-diarah-rujuk-hospital-psikiatri-x9fcloa</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>PEKERJA PEMBERSIHAN DITUDUH ROGOL, CABUL ANAK TIRI DI RUANG TAMU</b>		NEGATIF
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1366846/pekerja-pembersihan-dituduh-rogol-cabul-anak-tiri-di-ruang-tamu">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1366846/pekerja-pembersihan-dituduh-rogol-cabul-anak-tiri-di-ruang-tamu</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pekerja-pembersihan-dituduh-rogol-cabul-anak-tiri/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pekerja-pembersihan-dituduh-rogol-cabul-anak-tiri/</a>	BULETINTV3.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK	881 KAHWIN BAWAH UMUR		
HARI	SABTU	AKHBAR	HARIAN METRO
TARIKH	1 MAC 2025	M/SURAT	16
TONE	NEGATIF	SEKTOR	KPWKM

## KELANTAN REKOD PERKAHWINAN BAWAH UMUR TERTINGGI

# 881 KAHWIN BAWAH UMUR

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Seramai 881 perkahwinan bawah umur direkodkan sejak 2022 hingga tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar (*gambar*) berkata, jumlah itu memabitkan 363 remaja lelaki dan 518 remaja wanita.

Beliau berkata, Kelantan merekodkan jumlah tertinggi dengan 193 perkahwinan didaftarkan, diikuti

Selangor (133), Terengganu (115), Kedah (126), Johor (73), Sabah (63), Pahang (51), Perlis (39), Negeri Sembilan (38), Wilayah Persekutuan (27), Melaka (19) serta empat di Pulau Pinang.

Bagi memastikan prosedur permohonan pernikahan bawah umur di tepati katanya, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sudah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) yang khusus bagi permohonan nikah bawah umur melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syariah JKSM Bilangan 1 Tahun 2018 yang berkuatkuasa pada 28 September 2018.

"SOP ini sangat menekankan dan mengutamakan aspek kemaslahatan kanak-kanak yang ingin berkahwin yang mana Mahkamah Syariah perlu membuat penilaian yang teliti dan menyeluruh berdasarkan SOP tersebut sebelum suatu kebenaran perkahwinan di bawah umur minimum diberikan," katanya.



Katanya, Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (JAKIM) menerusi Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (KPNCR) dan Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (KPJKSN) dan Mahkamah Syariah Negeri (MSN) Kali ke-14 pada 29 Oktober 2024 turut membentangkan mengenai model pengurusan perkahwinan bawah umur sebagaimana dilaksanakan Selangor dan Wilayah Persekutuan bagi menangani isu perkahwinan bawah umur, untuk dilaksanakan di peringkat negeri masing-masing.

"Di samping itu, JAKIM juga bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dalam menjayakan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur," katanya.

Mohd Naim berkata, mengikut Seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, memperuntukkan umur minimum untuk perkahwinan iaitu bagi lelaki tidak kurang dari 18 tahun atau perempuan tidak kurang daripada 16 tahun

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 166 penerima di DUN Beserah, Semambu terima bantuan dari PM

🕒 28 Februari 2025, 6:59pm



Ahmad Farhan menyampaikan bantuan Perdana Menteri kepada penerima di kawasan DUN Beserah dan Semambu di Pahang. – Foto ihsan FB Anwar Ibrahim

**KUALA LUMPUR:** Seramai 166 individu dalam kategori miskin tegar di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Beserah dan DUN Semambu, Pahang menerima bantuan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai sebahagian daripada usaha membasmi kemiskinan.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Ahmad Farhan Fauzi, yang menekankan bahawa inisiatif ini bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi satu perubahan nyata bagi golongan memerlukan.

“Baru-baru ini, di Parlimen Indera Mahkota, saya menyaksikan sendiri bagaimana satu amanah dapat diterjemahkan menjadi perubahan yang nyata.

“Bukan sekadar menyerahkan bantuan, tetapi menyaksikan kejayaan mereka yang sebelum ini berada dalam kelompok miskin tegar, kini berjaya keluar daripada belunggu tersebut.

“Saya hadir menyantuni masyarakat setempat dalam kategori miskin tegar di sekitar Parlimen Indera Mahkota,” katanya menerusi hantaran di Facebook, yang turut dikongsikan oleh Perdana Menteri.

Menurut Ahmad Farhan, kejayaan membebaskan rakyat daripada kemiskinan tegar adalah hasil usaha bersepadu kerajaan dengan sokongan daripada Zakat Pahang, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Bantuan ini memberi kelegaan kepada mereka yang bergelut dengan cabaran kewangan harian.

“Saya berharap bantuan ini menjadi langkah awal buat mereka membina kehidupan yang lebih baik. Kerajaan MADANI di bawah pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan terus memastikan tiada siapa yang tercicir, kerana setiap rakyat berhak menikmati kemajuan bersama,” katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK	TINGKAT KESEDARAN PERKUKUH DASAR LINDUNGI OKU		
HARI	SABTU	AKHBAR	BERITA HARIAN
TARIKH	1 MAC 2025	M/SURAT	11
TONE	POSITIF	SEKTOR	KPWKM

## Tingkat kesedaran perkukuh dasar lindungi OKU



Oleh Dr Siti Aisyah Samudin  
bhrencana@bh.com.my

**Golongan** orang kurang upaya (OKU) memiliki potensi luar biasa, namun masih menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian.

Walaupun dunia semakin maju, OKU memerlukan lebih daripada sekadar simpati dan belas kasihan. Mereka berhak menikmati peluang sama dalam aspek sosial, pendidikan dan pekerjaan.

Meskipun usaha dilakukan untuk meningkatkan kualiti hidup OKU, terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan dalam aspek sosial, kebajikan, pendidikan dan kewangan.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat 740,844 OKU berdaftar setakat Oktober 2024, namun jumlah sebenar dipercayai lebih tinggi.

Antara cabaran besar bagi OKU di Malaysia adalah stigma sosial. Masyarakat masih kurang peka terhadap keperluan golongan ini kerana banyak tempat awam dan kemudahan kurang mesra OKU.

Mereka sering dipandang rendah dan tidak diberikan peluang setara, terutama dalam pekerjaan. Hal ini mencetuskan perasaan terpinggir dalam kalangan OKU, memberi impak negatif terhadap kesihatan mental dan kehidupan sosial mereka.

Bagi mengurangkan stigma sosial, pendidikan inklusif dan kempen kesedaran perlu dilaksanakan secara meluas. Pelajar OKU harus diberikan sokongan mencukupi dalam suasana yang sama dengan pelajar bukan OKU.

Selain itu, perlu ada penambahbaikan dalam dasar inklusif membabitkan kemudahan mesra OKU di tempat awam dan pengangkutan.

Kejadian tragik baru-baru ini membabitkan lelaki OKU penglihatan maut selepas terjatuh di stesen LRT Titiwangsa misalnya, menuntut pihak bertanggungjawab menyediakan kemudahan selama dan mesra OKU di tempat awam, terutama dalam sistem pengangkutan awam.

Dalam hal ini, kerajaan sudah mengambil langkah positif melalui Akta OKU 2008 untuk melindungi hak golongan ini, namun masih terdapat jurang antara dasar dan pelaksanaannya.

### Perkuat perlindungan sosial

Walaupun terdapat peraturan untuk menyediakan kemudahan awam mesra OKU, masih banyak tempat gagal memenuhi keperluan ini.

Perlindungan sosial perlu diperkuat, termasuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menyediakan persekitaran lebih inklusif dan selamat bagi OKU.

Berbanding negara maju seperti Norway, Sweden dan Australia, berat hati untuk menyatakan Malaysia masih ketinggalan dalam beberapa aspek

perlindungan kepada OKU.

Di negara terbabit, OKU menerima bantuan kewangan lebih tinggi, pendidikan inklusif lebih baik dan peluang pekerjaan lebih luas.

Sebagai contoh, Australia mempunyai Program Pekerjaan OKU yang menyediakan latihan khas dan peluang pekerjaan untuk golongan itu serta skema kewangan menyokong mereka yang tidak bekerja.

Sweden pula menyediakan peluang pendidikan tinggi setara dengan individu bukan OKU, serta akses kepada perkhidmatan kesihatan dan perumahan mesra OKU.

Justeru, bagi mengatasi stigma sosial, kesedaran sosial lebih meluas diperlukan. Masyarakat perlu melihat OKU sebagai individu berpotensi menyumbang kepada kehidupan sosial dan ekonomi, bukan golongan memerlukan belas kasihan.

Ini memerlukan perubahan dalam sikap individu, keluarga, komuniti dan badan pentadbir. Keluarga perlu menjadi sokongan utama untuk OKU, mendidik ahli keluarga mengenai hak OKU dan kepentingan untuk tidak mendiskriminasi mereka.

Komuniti pula harus menyediakan persekitaran lebih mesra OKU dengan menyediakan kemudahan lebih baik dan aktiviti kemasyarakatan inklusif.

Paling utama, kerjasama antara individu, keluarga, komuniti dan pihak berkuasa adalah kunci untuk memastikan dasar dilaksanakan memberi impak besar terhadap peningkatan kualiti hidup OKU.

Pensyarah Kanan,  
Jabatan Syariah dan  
Undang-undang,  
Akademi Pengajian  
Islam Universiti  
Malaya (UM)

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Pekerja pembersihan dituduh rogol, cabul anak tiri di ruang tamu

Oleh Alias Abd Rani - Februari 28, 2025 @ 12:17pm  
bhnews@bh.com.my



MUAR: Pekerja pembersihan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tiri di Segamat, sejak dua tahun lalu.

Tertuduh berusia 40 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa merogol anak tiri berusia 14 tahun di ruang tamu sebuah rumah pada jam 11 malam, sekitar Januari 2023.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara hingga 30 tahun dan sebatan tidak kurang 10 kali.

Bagi pertuduhan kedua pula, dia didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa sama pada jam 1 hingga 2 pagi, 21 Februari lalu dengan kejadian ini juga berlaku di rumah sama.

Kesalahan ini dilakukan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017, dan dibaca Seksyen 16 akta sama.

Seksyen 14 (a) memperuntukkan penjara hingga 20 tahun dan sebatan manakala Seksyen 16 yang juga tambahan hukuman, penjara hingga lima tahun dan sebatan tidak kurang dua kali.

Berdasarkan laporan dibuat, kejadian berlaku ketika mangsa bersama ibu dan adik beradik lain serta tertuduh tidur di ruang tamu.

Kejadian pertama berlaku pada 2023 dengan tertuduh mengambil kesempatan melakukan perbuatan terkutuk terhadap mangsa namun dia tidak menceritakan kepada sesiapa kerana bimbang diapa-apakan.

Sejak kejadian itu, mangsa kelihatan murung dan kurang bercakap namun tidak tahan dengan sikap tertuduh akhirnya menceritakan kejadian itu kepada ibu saudaranya sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat pada 24 Februari lalu.

Susulan laporan itu, polis menahan tertuduh keesokan hari bagi membantu siasatan berhubung kejadian itu.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan Ismail manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu pihak pendakwa membantah sekiranya mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin atas faktor keselamatan terhadap mangsa memandangkan mereka tinggal bersama.

Mahkamah membenarkan permohonan pendakwa dengan tidak menawarkan ikat jamin serta menetapkan 9 April untuk serahan dokumen dan lantikan peguam tertuduh.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUE :LELAXI\*ÒXU BIARAH JALANI CENICEŁAN PSIXİATRİ: SE:BUŁAN

HARI SABTU

AKHBAR 'BERITA HARIAN

TARIKH 1 MAC Æ25

M/SURAT '1.0

TONE :NE'UTRAL:

SEKTOR KPWKM

Kes cederakan bapa

## LelaÜ OKU diarah jalani penilaian psiÜatri sebulan

Kangar: Seorang lelaki kurang upaya (OKU) diarah menjalani penilaian psikiatri selama sebulan selepas mengaku bersalah mencederakan bapanya hingga parah dengan sebilah Barang di Kuala Perlis. 24 Februari lalu.

Anuar Halim, 4S, OKU ketidakupayaan mental yang juga pengangur hanya menganguk faham dan mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Datuk Nu'aman Mahmud Zuhudi.

Dia didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah dengan menggunakan sebilah parang yang boleh menyebabkan kematian terhadap ayahnya, Halim Lebai Othman. 7d.

Tertuduh didakwa melakultan perbuatan itu di sebuah rumah di Kampung Padang Besar Setan, Kuala Pertiv jam 5 petang pada 24 Februari lalu. Dia didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang boleh dipenjara sehingga 20 tahun serta denda atau sebat.

Pendakwa diiafan-



Anuar dibowo ke 3fofzomof Sesyen hangar, semolom.

(Foto Luqman Halim Zubir/BH)

kan Timbalan Pendakwa Raya Nabilah Ahmad Poad, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Hapiz Rajali dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBOK).

Nabilah memaklumkan mahkamah, ketika ditahas polis. tertuduh didapati mempunyai kad OKU ketidakupayaan mental.

Justeru, beliau memohon tertuduh diperintah menjalani penüaian ösi-

kiatri atau mental selama sebulan mengikut Seksyen 342 Kanun Prosedur Jenayah.

Dalam kejadian jam 5 petang Isnin lalu, Halim cedera pada kepala dan toling kiri selepas ditetak dengan sebilah parang di rumah di Kampung Padang Besar Selatan.

Suspek yong melarikan diri selepas kejadian berjaya ditahan polis Rabu lalu sekitar jam 10 pagi di sekitar kawasan kampung berkenaan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK **SEBULAN MASUK WAD PSIKIATRI**

HARI **SABTU**

AKHBAR **MARIAN M E O O**

TARIKH **1 MAC 2025**

M/SURAT **13**

TONE **NEUTRAL**

SEKTOR **KPWKM**

Oleh Aizat Skarif  
am@hmetro.com.my

Seorang lelaki kurang upaya (OKUI mental) diarahkan menjalani penilaian psikiatri selama sebulan selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan bapanya hingga parah dengan parang di Kuala Perlis, 24 Februari lalu.

Anuar Halim, 45, yang juga seorang penganggur mengangku faham dan mengaku salah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Nu'aman Mahmud Zuhudi.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Anuar didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah menggunakan parang terhadap bapanya, Halim Lebai Othman, 74, yang boleh menyebabkan kematian.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di rumah di Kampung Padang Besar Selatan, Kuala Perlis jam 5 petang pada 24 Februari lalu.

Oleh itu dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksama yang boleh dipenjara sehingga 20 tahun serta denda atau sebat.

Pendakwaan dilaksanakan Timbalan Pendakwa Raya negeri, Nabilah Ahmad Poad manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Hapiz Rajali dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Nabilah dalam hujahnya menyatakan ketika ditahan, tertuduh didapati memiliki kad OKU ketidakupayaan mental dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Oleh itu, dia memohon mahkamah supaya tertuduh diperintahkan menjalani penilaian psikiatri atau mental selama sebulan mengikut Seksyen 302 Kanun Prosedur



ANGGOTA polis mengiringi Anuar selepas mahkamah mengarahkan tertuduh menjalani penilaian psikiatri selama sebulan selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen atas kesalahan mencederakan bapanya parah dengan parang pada 24 Februari lalu. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

## LEIAKI OKU MENTAL CEDERAKAN BAPA SEBULAN MASUK WAD PSIKIATRI

Jenayah.

Mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani penilaian mental selama sebulan.

Difahamkan, tertuduh dibawa ke Hospital Bahagia Tanjung Rambutan di Perak.

Mahkamah turut menetapkan

tarikh 28 Mac hadapan sebagai tarikh sebutan semula kes serta serahan dokumen.

Dalam kejadian itu, mangsa yang cedera di kepala dan telinga kiri dikejarkan ke Hospital Tuanku Fauziah, Kangar untuk menerima rawatan se-

belum keluarga mangsa membuat laporan sekitar jam 8 malam di Balai Polis Kuala Perlis.

Suspek yang melarikan diri selepas kejadian ditahan pada Rabu lalu sekitar jam 10 pagi di sekitar kawasan kampung.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK	PSYCHIATRIC CHECK FOR MAN WHO SLASHED DAD		
HARI	SABTU	AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TARIKH	1 MAC 2025	M/SURAT	10
TONE	NEUTRAL	SEKTOR	KPWKM

GOILTY PL@

## PSYCHIATRIC CHECK FOR MAN WHO SLASHED DAD

Court orders one-month review, sets March 28 for case mention

AIZAT SHARIF  
news@nst.com.my

**A**btAN with mental health issues has been ordered to undergo psychiatric evaluation for a month after pleading guilty at the Sessions Court yesterday to a charge of causing grievous hurt to his father in Kuala Perlis four days ago.

Anuar 1-Ialim, A5, entered the plea when the charge was read before Judge Datuk Nu'aman Mahmud Zuhudi.

According to the charge sheet, Anuar had voluntarily caused grievous hurt to his father, Halm Lebai Othman, 74, using a parang. He committed the offence at the family home in Kamyung Padang Besar Setakan, Kuala Perlis, about 5pm on Feb 24.

The charge was framed under Section 326 of the Penal Code, which carries up to 20 years' imprisonment and a fine or whipping.

Deputy public prosecutor Nabillah Ahmad Poad prosecuted the



Anuar Hiiiiii being brought to the Sessions Court in Kaügar yesterday. He planned guilty to a ctwrSe of cuiisüüz grievous liüri to his former in Kiiaki Pems Joiir dupe «go. üs= i'c c cv. ü :.»lv <S n

case while counsel Mohd Ilapiz Raiali from the f4ational Legal Aid Foundation represented the accused.

Nabillah told the court that upon his arrest, it was established that the accused was a holder of a mentally disabled person card issued by the Welfare Department.

She requested the court to or-

der the accused to undergo a psychiatric evaluation for one month as stipulated under Section 342 of the Criminal Procedure Code.

The court granted the request.

It is understood that the accused is to be referred to Hospital Bahagia Tanlung Rambutan in Perak.

The court fixed March 28 as mention.

It was reported that in the Spm incident on Monday, the victim sustained deep head wounds and his ear was severely torn after he was attacked with a parang.

Police subsequently arrested the accused two days later in the same village.